

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**SOALAN NO. 192**

**DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [ KOTA BHARU ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci senarai sekolah kurang murid di seluruh negara dan apakah langkah Kementerian dalam menangani masalah tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan data 31 Mac 2019, bilangan sekolah kurang murid di seluruh negara adalah seperti berikut iaitu:

<b>NEGERI</b>	<b>SK</b>	<b>SJKC</b>	<b>SJKT</b>	<b>Bilangan Sekolah</b>
Johor	198	97	50	345
Kedah	56	52	43	151
Kelantan	29	4	1	34
Melaka	27	34	16	77
Negeri Sembilan	65	45	43	153
Pahang	131	41	33	205
Perak	199	108	109	416

<b>NEGERI</b>	<b>SK</b>	<b>SJKC</b>	<b>SJKT</b>	<b>Bilangan Sekolah</b>
Perlis	4	5	1	10
Pulau Pinang	9	25	16	50
Sabah	491	26	0	517
Sarawak	719	125	0	844
Selangor	31	25	47	103
Terengganu	75	5	0	80
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	10	2	4	16
<b>Jumlah</b>	<b>2044</b>	<b>594</b>	<b>363</b>	<b>3001</b>

Di bawah Pelan Hala Tuju SKM, terdapat 2 strategi yang telah dicadangkan untuk mengatasi isu penurunan enrolmen murid di bawah 150 orang iaitu strategi jangka pendek pelaksanaan kelas bercantum bagi sekolah berenrolmen di bawah 30 orang dan strategi jangka panjang iaitu pemindahan ke lokasi baharu yang boleh membantu peningkatan enrolmen serta penggabungan sekolah.

Sebelum melaksanakan strategi pemindahan dan penggabungan sekolah tersebut, beberapa perkara perlu diambilkira seperti pertimbangan tentang jarak, kemudahan pengangkutan, kesediaan kanak-kanak untuk bersekolah di sekolah baharu serta persetujuan komuniti setempat. Bagi sekolah bantuan kerajaan pihak LPS bertanggungjawab untuk menyediakan tapak di lokasi baharu serta membiayai kos perpindahan dan pembinaan bangunan baharu di tapak baharu.

Walau bagaimanapun, sekiranya didapati terdapat keperluan untuk sekolah berstatus SKM berada di kawasan sedia ada disebabkan oleh faktor fizikal serta penempatan komuniti yang memerlukan sebuah sekolah di kawasan tersebut maka sekolah tersebut akan dikekalkan bagi memastikan kelangsungan pendidikan dapat diteruskan di kawasan tersebut.